

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, July 23, 2015 2:30 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Berhati-Hati Makan Di Luar - Husam Dato' Baderuddin



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

23 JULAI 2015 / 7 SYAWAL 1436H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

BERHATI-HATI MAKAN DI LUAR – HUSAM DATO' BADERUDDIN



UUM ONLINE: Sedang enak menikmati hidangan bersama keluarga di kedai tepi jalan, lalu anak kecil dan bapa yang membonceng motosikal, sebaik terpandang hidangan, terus anak itu teringin merasai hidangan sedangkan bapanya miskin.

“Ayah, adik nak makan macam tu,” pinta anaknya terliur.

“Ayah tak mampu, dik,” pujuk si bapa.

“Adik nak, nak..,” ujarinya menelan liur memaling ke arah kedai tadi.

“Nantilah, dik,” balasnya kecewa tidak dapat memenuhi permintaan anaknya.

“Sebenarnya kita telah mengguris hati orang miskin ini secara tidak sedar, sebab itu Islam cukup menjaga perkara ini walaupun pada kita remeh tetapi sebenarnya mengandungi hikmah yang besar maknanya”.

Ucap Ustaz Ahmad Husam Dato’ Sheikh Baderuddin di hadapan kira-kira 300 hadirin dalam Ceramah Nuzul Al-Quran, di Pusat Islam.

Ujarnya, makan di luar ada caranya, Islam menyuruh makan di tempat tersorok atau di dalam restoran yang jauh dari pandangan orang serta elakkan makan di restoran terbuka atau tepi jalan kerana dibimbangi hilang keberkahannya.

“Bukan itu sahaja, tukang masak pun kena ada berkat, memasak sambil berselawat dan doa baru makanan yang dimakan berzat tetapi bagaimana kalau membeli makanan daripada orang yang tidak menutup aurat, malas solat dan tidak beradab?

“Bagaimana makanan akan berkat jika jelas mereka sendiri tidak patuh syariat tanpa mempedulikan kesihatan pembeli asalkan untung, ingat.. berkat boleh menghubungkan silaturahim dengan lebih baik, badan sihat dan iman mantap.

Tambahnya, makanan di luar biasanya mengandungi MSG dan bahan kimia yang memudaratkan kesihatan serta memberi kesan kepada pembangunan tubuh.

“Makanlah makanan yang dimasak oleh isteri di rumah walaupun tidak sedap mana namun berkatnya ada, kerana dimasak dengan kasih sayang, dimulakan dengan membaca bismillah dan doa sekali gus iman terpelihara.

“Sebab itu tips suami isteri bahagia antaranya menambat hati suami dengan masakan kerana air tangan isteri membuatkan suami semakin sayang di samping mengamalkan sembahyang berjemaah dan selalu berdoa supaya hubungan berkekalan hingga ke syurga ,” sarannya.

Rasulullah bersabda ‘Janganlah kamu jadikan rumah-rumah kamu itu sebagai kuburan sesungguhnya syaitan itu lari dari rumah yang dibacakan di dalamnya surat Al-Baqarah’.

“Justeru, jadikan rumah kita bercahaya dengan solat, amalan di waktu malam, membaca Al-Quran sekalipun hanya mendengarnya kerana rumah yang sentiasa berkumandang ayat suci memberi ketenangan, hidup berkasih sayang serta jauh daripada gangguan syaitan,” jelasnya.

Beliau turut menggalakan budaya sedekah dengan ikhlas tanpa mengira masa kerana Allah menyukai orang yang ikhlas dan berbuat baik.

“Ikhlas ibarat membuang air besar, memberi tanpa berfikir, adakah orang yang membuang air besar rasa menyesal? Tidak sama sekali sebaliknya rasa senang hati, begitulah ikhlas.

“Bila kita nak buat baik akan ada bisikan yang menghalang ‘tunggu dululah, kau pun tak ada duit’, sehingga kita menangguh untuk berbuat baik, peluang bukan datang selalu, maka bersegeralah dalam berbuat baik,” serunya.

=====

DARIPADA:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3040/3048/3049/3052

FAKS: 04-928 3053

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my

FACEBOOK: Universiti Utara Malaysia (Official FB)

